KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	03.06.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			



MOHD Ridzuman (kiri) bersama Mohd Rosmizi Rosli, 34, melihat sebahagian tanaman pokok pisang yang musnah diserang gajah liar.

Ancaman gajah liar belum berakhir

Kuala Krai: Seminggu sudah berlalu namun tidur malam kira-kira 147 keluarga dari dua kampung di Tok Uban dan Kubang Kerian, Lata Rek, di sini, masih dibelenggu kerisauan dan ketakutan kerana beberapa ekor gajah liar masih menceroboh kampung mereka.

Tinjauan Bernama di Kampung Tok Uban yang terkesan akibat serangan gajah liar, mendapati banyak tanaman musnah, pagar rosak akibat rempuhan mamalia itu selain terdapat beberapa kesan tapak kaki dan tompokan najis di kebun pisang seorang penduduk di kampung terbabit.

Wakil penduduk Kampung Tok Uban, Mohd Ridzuman Hanapi, 37, yang juga peniaga kedai runcit berkata, gangguan gajah liar itu bukan sahaja menyebabkan penduduk ketakutan, tetapi banyak hasil tanaman mereka rosak dan musnah dimakan haiwan terbabit seperti kelapa sawit, pokok kelapa dan pisang.

"Semalam, (1 Jun) kami nampak tiga ekor gajah termasuk anaknya menceroboh masuk ke kampung kami sebanyak tiga kali sekitar 7 hingga 11 malam.

"Kami terpaksa halau dengan cara kami supaya gajah tersebut tidak serang orang lain dan tanaman di sekitar," katanya di sini, semalam.

Bercerita lanjut, Mohd Ridzuman berkata, sejak 20 ekor gajah liar itu memasuki kampung mereka pada Khamis lalu, penduduk bersepakat menjaga kawasan kampung secara sukarela terutama pada waktu malam untuk memastikan gajah terbabit tidak mengancam manusia serta memusnahkan tanaman.